

# Orang Melayu kini hadapi dua dilema baru — Dr. M

11 JUL 2002  
Oleh ASUKI ABAS

PETALING JAYA 29 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, orang Melayu sekarang menghadapi dua dilema baru yang boleh melonggarkan penguasaan ekonomi dan politik mereka di negara ini.

Perdana Menteri berkata, dilema yang melibatkan isu hak keistimewaan Melayu akan melemahkan ekonomi kaum itu manakala dilema pemilihan parti popular sebagai kerajaan akan menyebabkan pemerintahan negara diberikan kepada mereka yang tidak layak.

"Dilema Melayu yang baru ialah sama ada mereka patut membuang 'tongkat' (hak keistimewaan) yang bukan sahaja sudah menjadi kebiasaan, malah dibanggakan pula oleh mereka.

## ● Tekspenuh ucapan PM — Muka 6

"Dilema kedua pula ialah sama ada kita mahu membenarkan negara ini dimusnahkan atas nama demokrasi (apabila) kerajaan yang buruk dipilih dan usaha memastikan pengendalian kuasa politik dan ekonomi orang Melayu terhenti," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perdana bertajuk 'Dilema Melayu Yang Baru' pada majlis Makan Malam Kelab Harvard di Hotel Sunway Lagoon Resort di sini malam ini.

Menurut Perdana Menteri, orang Melayu bukan sahaja tidak menggunakan keistimewaan yang diberikan kepada mereka dengan betul malah berbangga dan menganggapnya sebagai satu status kelebihan pula.

"Selagi mereka bergantung kepada tongkat ini, selagi itulah mereka akan terus lemah sedangkan mereka mempunyai ke-

upaya untuk membuangnya terus.

"Apa yang diperlukan hanyalah perubahan persepsi dan budaya mereka (dan) sekiranya mereka berbuat demikian, mungkin secara berperingkat, maka mereka akan dapat berdiri tegak seperti orang lain," kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata, sekarang ini sudah ada orang Melayu yang berani untuk memikirkan bahawa mereka sudah tidak memerlukan 'tongkat' lagi untuk hidup, tetapi bilangan mereka tidak banyak.

■ Lihat muka 4

# Orang Melayu kini hadapi dua dilema baru — Dr. M

"Jumlah mereka tidak akan bertambah dalam masa terdekat (kerana) mereka secara amnya dianggap sebagai pembelot kepada bangsa Melayu," tegas beliau.

Menurut Perdana Menteri, demokrasi membolehkan rakyat memilih kerajaan untuk memerintah tetapi kadang kala rakyat tidak dapat memilih dengan bijak kerana telah dibasuh minda.

"Di Malaysia, ramai orang yang dikuasai minda mereka melalui penyalahgunaan ajaran agama dan banyak orang Melayu yang tidak begitu memahami Islam tercipu dengan pemakaian serban oleh pemimpin-pemimpin parti Islam.

"Mereka secara fanatik mengikut sahaja apa yang dikatakan oleh parti ini walaupun ia akan menyebabkan negara ini disalahkan dan mengamalkan nilai-

nilai yang berlawanan dengan ajaran Islam," ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, perkara yang sama telah berlaku di negara lain yang mana parti yang salah dipilih memimpin negara semata-mata kerana mereka menjanjikan pelbagai perkara yang mustahil untuk ditunaikan.

"Ia juga mungkin berlaku di Malaysia dan tentunya mungkin menyebabkan kemakmuran, kestabilan dan keharmonian kaum dimusnahkan," ujar beliau.

Tambahnya, kebanyakan negara demokratik sedar tentang bahaya itu dan menyekat parti-parti tertentu dari mengambil bahagian dalam pilihan raya kerana tidak mahu memusnahkan demokrasi itu sendiri.

"Banyak daripada negara demokrasi liberal tidak membenarkan parti komunis dan fasis menyertai pilihan raya.

"Bolehkah kita mengambil contoh daripada apa yang mereka lakukan itu dan menanggung risiko dikutuk kerana tidak demokratik?," soalnya.

Perdana Menteri berkata, orang Melayu harus mengubah budaya mereka dengan menganggap pencapaian melalui kerja sebagai ganjaran yang sebenar dan bukannya perolehan kewangan.

"Mereka perlu memiliki etika kerja yang betul, (kerana) bangsa yang menghargai kerja mereka dan keputusannya adalah bangsa yang paling berjaya," tegasnya.

Menurut Dr. Mahathir, sasaran Dasar Ekonomi Baru untuk membolehkan orang Melayu menguasai 30 peratus ekonomi sepatutnya sudah tercapai jika mereka menggunakan sepenuhnya keistimewaan yang diberikan dan tidak mengejar ganjaran wang ringgit.

Dominasi politik kaum Melayu pula akan memberikan mereka perlindungan tetapi ia semakin terhakis apabila mereka mula berbalah sesama sendiri dan terpecah kepada beberapa kumpulan kecil yang tidak efektif, jelas Dr. Mahathir.